

# KONSEP ILMU DAN PEMBELAJARANNYA MENGIKUT PANDANGAN ABU AL-BARAKAT AL-BAGHDADI (547H)

Oleh  
Wan Suhaimi Wan Abdullah\*

## Abstract

*The Epistemology is one of the most important fields in philosophy. In the history of Islamic Philosophy this field had been studied within the metaphysics, especially those earlier philosophers. The latest Islamic philosopher like Abu al-Barakat al-Baghdadi, Fakhr al-Din al-Razi and Nasir al-Din al-Tusi had made the special attention of it where they studies it more profoundly and separately. However, the connection between this fields is still exist. This article tries to perform a part of Abu al-Barakat theory of knowledge and its relation to the metaphysics.*

## PENDAHULUAN

Perbincangan tentang ilmu pengetahuan biasanya diperkatakan dari perspektif epistemologi. Namun begitu tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa aspek epistemologi yang berhubung rapat dengan theologi atau metafizik, khususnya aspek-aspek yang berkaitan dengan masalah hakikat ilmu atau makrifah, hubungan di antara subjek dan objek makrifah dan sebagainya.

Dalam sejarah Falsafah Islam, kajian khusus dan mendalam tentang epistemologi tidak kedapatan secara jelas kecuali di kalangan tokoh-tokoh yang mutakhir seperti Abu al-Barakat al-Baghdadi, Fakhr al-Din al-Razi dan Nasir al-Din al-Tusi. Manakala tokoh-tokoh yang terdahulu, kebanyakannya membahaskan masalah ini sebagai sebahagian dari perbahasan mereka tentang masalah *al-wujud*.<sup>1</sup>

---

\*Pensyarah di Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>1</sup>Sila rujuk Dr. Yahya Huwaidi, *Muhadharat fi al-Falsafah al-Islamiyyah*, Kaherah, 1965, h. 233.

Dari sini jelas kepada kita bagaimana rapatnya hubungan di antara dua bidang ini, bidang epistemologi dan bidang metafizik atau theologi. Ini adalah kerana masalah *al-wujud* pada dasarnya tergolong dalam perbahasan metafizik. Walau bagaimanapun ianya juga mempunyai kaitan yang rapat dengan bidang epistemologi khususnya jika dilihat *al-wujud* sebagai objek makrifah. Jadi tidak hairanlah jika kita dapati perbahasan tentang masalah ilmu dan *al-wujud* diperkatakan dalam kedua-dua bidang tersebut.

Tulisan ini akan cuba untuk mendedahkan konsep ilmu di sisi Abu al-Barakat al-Baghdadi dan bagaimanakah kedudukannya dalam epistemologi dan metafizik atau theologi beliau.

### **ABU AL-BARAKAT AL-BAGHDADI : PENGENALAN RINGKAS**

Beliau ialah Hibat Allah b. Ali b. Malka al-Baghdadi, seorang Yahudi yang menganut Islam pada akhir hayatnya. Beliau dikenali dengan nama Auhad al-Zaman Abu al-Barakat atau Ibn Malka al-Baladi atau dengan nama Hebrewnya "*Nathanael*" yang bermaksud Kurniaan Allah (*Hibat Allah*). Lahir di sebuah kampung bernama Balad pada sekitar tahun 467H dan kemudian berpindah ke Baghdad.

Beliau adalah di antara pakar perubatan yang disegani di zamannya dan pernah berkhidmat dengan sultan-sultan Kerajaan Saljukid dan Khalifah Abbasiyah ketika itu. Ini disamping ketokohan beliau dalam bidang falsafah sehinggalah al-Baihaqi menggelarnya sebagai 'Ahli Falsafah Baghdad yang dikatakan mencapai tahap Aristotle'.<sup>2</sup>

Beliau telah menganut agama Islam pada akhir hayatnya. Ini terbukti berdasarkan tulisan-tulisan sejarawan dan para pengkaji dahulu dan sekarang. Namun begitu, apa yang menimbulkan tandatanya dalam masalah ini adalah tentang sebab dan tujuan beliau menganut agama Islam. Ini kerana terdapat berbagai tafsiran tentang perkara tersebut. Ada tafsiran yang mengatakan bahawa tujuannya adalah untuk mencapai kedudukan yang tinggi dan dihormati dalam masyarakat. Ada pula yang mengatakan bahawa beliau menganut agama Islam kerana ingin membebaskan

---

<sup>2</sup>Zahir al-Din al-Baihaqi, *Tarikh Hukama' al-Islam*, Damsyiq, 1988, h. 152, dan *Tatimmat siwan al-Hikma*, Lahore, 1351H, h. 150.

diri dari dibunuh. Tafsiran-tafsiran ini adalah didasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang diriwayatkan oleh para sejarawan yang menulis tentang biografi Abu al-Barakat.<sup>3</sup>

Walaubagaimanapun, tafsiran sebenar di sebalik pengislaman Abu al-Barakat tidak dapat dipastikan. Tambahan pula terdapat berbagai-bagai pandangan dan tafsiran di kalangan para pengkaji, ada yang cuba membela Abu al-Barakat dari tohmahan-tohmahan ini dan mentafsirnya dengan tafsiran-tafsiran yang lebih sesuai dengan sikap dan pemikiran beliau dan ada pula yang cuba mempertikaikan kebenaran riwayat-riwayat yang menceritakan tentang sebab-sebab pengislamannya.<sup>4</sup> Namun begitu, apa yang pasti di sini ialah kesahihan riwayat-riwayat ini adalah sukar untuk dipertikaikan, walaupun percubaan-percubaan untuk mentafsirkan peristiwa-peristiwa yang berlaku mungkin dapat diterima dengan syarat bertepatan dengan faktor-faktor lain yang lebih munasabah. Kesimpulannya di sini, pengislaman Abu al-Barakat mestilah dilihat dari aspek yang berbagai dan bukannya hanya sekadar berpandu kepada riwayat-riwayat ini sahaja bahkan faktor-faktor lain terutamanya faktor pemikiran beliau adalah suatu faktor yang penting yang perlu diambil kira dalam menentukan apakah rahsia-rahsia di sebalik tindakan beliau itu. Dari sini penulis lebih cenderung ke arah pandangan yang mengatakan bahawa pengislaman Abu al-Barakat adalah atas dorongan beberapa faktor yang saling menyokong antara satu sama lain. Di antara faktor-faktor yang terpenting - di samping peristiwa-peristiwa yang diriwayatkan oleh para sejarawan - adalah faktor pemikiran beliau sendiri.

Di antara karya-karya beliau yang masyhur ialah *Kitab al-Muktabar Fi al-Hikma*. Kitab ini membincangkan tiga aspek utama falsafah iaitu *Mantik* (Lojik), *Tabi'yyat* (Fizik) dan *Ilahiyat* (Metafizik) dalam tiga jilid dan ia dianggap sebagai

---

<sup>3</sup>Lihat riwayat-riwayat tentang perkara tersebut misalnya: al-Baihaqi, *ibid*, al-Qifti, *Akhbar al-Ulama' bi Akhbar al-Hukama'*, Kaherah, (t.t), h. 224-225, Ibn Abi Usaibiah, *Uyun al-Anba' fi Tabaqat al-Atibba'*, Beirut, 1987, j. 1, h. 299, al-Shahrazuri, *Nuzhat al-Arwah wa Raudhat al-Afrah fi Tarikh al-Hukama wa al-Falasifah*, Hyderabad, 1976, j. 2. h. 84.

<sup>4</sup>Lihat S. Pines, *Studies in Abu'l-Barakat al-Baghdadi's Poetics and Metaphysics (The Collected Works)*, Leiden, 1979, v. 1, p. 260, Dr. Ahmad Mohammad al-Tayyib, *Mawqif Abi al-Barakat al-Baghdadi min al-Falsafah al-Masyaiyyah*, tesis Phd. di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar, 1977, h. 21-22, Dr. Abdul Mu'ti Bayyumi, *al-Falsafah al-Islamiyyah min al-Masyriq ila al-Maghrib*, Kaherah, 1991, j. 3, h. 57.

rujukan asas falsafah Abu al-Barakat dalam bidang-bidang tersebut.<sup>5</sup> Disamping karya ini beliau juga ada meninggalkan karya-karya lain dalam bidang perubatan dan astronomi.<sup>6</sup>

## ILMU MENGIKUT PANDANGAN ABU AL-BARAKAT AL-BAGHDADI

Ilmu (*al-'Ilm*), kognisi (*al-Idrak*), dan pengetahuan (*al-Makrifah*) pada pandangan Abu al-Barakat adalah sama dan tidak berbeza. Beliau berpendapat bahawa '*ilm*, *idrak* dan *makrifat* adalah suatu yang terhasil dari hubungan yang terjalin di antara subjek (*al-Dzat*) yang mengetahui sesuatu dan objek (*al-Maudhu'*), iaitu suatu yang diketahui.<sup>7</sup> Ianya adalah sifat tambahan yang wujud pada seseorang individu (*al-Dzat*), hasil daripada hubungan yang terjalin di antara beliau dan objek-objek yang diketahuinya. Dari sini dapat disimpulkan bahawa kewujudan subjek, objek dan hubungan di antara keduanya adalah suatu kemestian di sisi Abu al-Barakat bagi melahirkan ilmu, kognisi atau pengetahuan.

Abu al-Barakat juga berpendapat bahawa objek-objek pengetahuan boleh dibahagikan umumnya kepada dua jenis; kewujudan *ainiy* (Concrete) dan kewujudan *dzihniy* (Mental). Di samping itu beliau juga berpendapat bahawa pengetahuan-pengetahuan ini tidak dapat dikemukakan atau diluahkan melainkan melalui lafaz-lafaz yang diungkap dan juga melalui tulisan-tulisan yang mentafsirkan lafaz-lafaz

---

<sup>5</sup>Kitab ini dicetak pertama kali di Hyderabad, India pada tahun 1357H dan penulis telah mengedit satu juzuk daripadanya iaitu juzuk al-Ilahiyat sebagai tesis sarjana yang bertajuk : *Al-Ilahiyat min al-Mu'tabar li Abi al-Barakat al-Baghdadi, Tahqiq wa Dirasah* , di Fakulti Dar al-Ulum, Universiti Kaherah pada tahun 1998. Dari itu semua teks al-Mu'tabar (Juzuk 3 - *al-Ilahiyat*) yang disebut dalam kajian ini adalah didasarkan kepada teks yang telah diedit dalam tesis tersebut.

<sup>6</sup>Di antara sumber rujukan penting tentang Abu al-Barakat al-Baghdadi dan falsafahnya disamping rujukan-rujukan yang telah disebut sebelum ini adalah:

- Shlomo Pines, *Studies in Abu'l-Barakat al-Baghdadi : Physics and Metaphysics, The Collected Works of Shlomo Pines*, V. 1, Leiden, 1979.
- Dr. Jamal Rajab Saidabi, *Abu al-Barakat al-Baghdadi wa Falsafatuhu al-Ilahiyat*, Kaherah, 1996.
- Dr. Mohamad Husaini Abu Sa'dah, *Al-Wujud wa al-Khulud fi Falsafat Abi al-Barakat al-Baghdadi*, Kaherah, 1993.

<sup>7</sup>Lihat *al-Mu'tabar fi al-Hikma*, j. 3, h. 1. Juga Dr. Yahya Huwaidi, *Muhadharat fi al-Falsafah al-Islamiyah*, Kaherah, 1965, h. 233.

tersebut. Jadi berdasarkan kepada asas ini Abu al-Barakat membahagikan ilmu pengetahuan kepada empat jenis :

1. Pengetahuan yang berkaitan dengan kewujudan *ainiy*. Objeknya adalah segala kewujudan yang wujud di sekitar kita. Ia dianggap sebagai ilmu yang paling layak dan yang pertama sekali kita ketahui.
2. Pengetahuan yang berkaitan dengan kewujudan *dzihniy*. Objeknya adalah gambaran-gambaran yang wujud dalam pemikiran manusia yang terhasil daripada pengetahuan yang pertama iaitu pengetahuan terhadap kewujudan *ainiy*.
3. Pengetahuan yang berkaitan dengan lafaz-lafaz yang mengungkapkan maklumat-maklumat yang terdapat dalam pemikiran manusia.
4. Pengetahuan yang berkaitan dengan tulisan-tulisan yang mentafsirkan lafaz-lafaz atau ungkapan maklumat.<sup>8</sup>

#### **PENGAJARAN ILMU DAN PEMBELAJARANNYA DARI PERSPEKTIF EPISTEMOLOGI ABU AL-BARAKAT**

Ilmu pengetahuan sebagaimana yang diertikan oleh Abu al-Barakat adalah suatu yang terhasil dari hubungan yang terbentuk di antara subjek dan objek. Objek pula sebagaimana yang dinyatakan terbahagi kepada empat jenis. Jadi bagaimanakah proses pemindahan maklumat berlaku? Bagaimanakah seseorang yang berilmu pengetahuan tentang objek-objek tersebut mengajar dan memindahkan ilmunya kepada orang lain? Adakah proses perpindahan ini hanya cukup dengan sekadar wujudnya interaksi di antara guru dengan muridnya atau ia memerlukan sokongan lain untuk menyempurnakan proses pengajaran tersebut?

Abu al-Barakat berpendapat bahawa terdapat dua bentuk pengajaran: Yang pertama adalah apa yang diistilahkan sebagai "*Al-Ta'lim 'an Tariq al-Naql*" yang bermaksud pengajaran secara pemindahan maklumat dari guru kepada murid tanpa mengira samada murid tersebut faham apa yang didengarnya atau tidak. Yang kedua adalah pengajaran yang disebut sebagai "*Al-Ta'lim 'an Tariq al-Tasawwur wa*

---

<sup>8</sup>Lihat *al-Mu'tabar fi al-Hikma*, j. 3, h. 1-2.

*al-'Aql'*. Bentuk pengajaran ini lebih menekankan aspek kefahaman dan tanggapan pelajar terhadap maksud sebenar kenyataan seseorang guru dan bukan hanya sekadar perpindahan maklumat semata-mata.

Demikian dua bentuk pengajaran yang dinyatakan oleh Abu al-Barakat. Tapi adakah kedua-dua bentuk pengajaran ini diiktiraf oleh beliau? Yang mana satukah di antara kedua-dua bentuk pengajaran ini yang dianggap sebagai pengajaran yang sebenar di sisi Abu al-Barakat? Apakah guru sememangnya mampu memainkan peranan dalam memastikan kefahaman muridnya?

Beliau berpendapat bahawa bentuk pengajaran yang pertama tidak dianggap sebagai pengajaran yang sebenar. Ini kerana murid mungkin mendengar dan mungkin tidak. Mereka juga mungkin faham apa yang didengarnya dan mungkin tidak. Kesimpulannya, beliau berpendapat bahawa peranan guru hanyalah mengeluarkan kenyataan atau maklumat samada yang berbentuk lafaz ataupun tulisan, manakala pendengaran dan pemahaman murid bukan tugas dan peranannya. Jadi, kefahaman murid bukan dari guru dan guru sememangnya tidak mampu memastikan semua muridnya memahami maksud kenyataannya. Begitu juga dalam masalah tanggapan, persetujuan, penerimaan dan penolakan murid terhadap apa yang dinyatakannya. Oleh itu bentuk pengajaran yang sebenar pada pandangan Abu al-Barakat adalah bentuk pengajaran yang kedua yang menekankan aspek kefahaman murid.

Namun begitu, jika peranan guru hanyalah terhenti kepada mengeluarkan kenyataan dan tidak mampu memastikan kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap perkara tersebut, bagaimana pula dapat dipastikan bahawa bentuk pengajaran yang kedua boleh dilaksanakan? Apakah tafsiran Abu al-Barakat dalam masalah ini? Siapakah guru yang mampu memikul tanggungjawab pengajaran ini?

Beliau berpendapat bahawa guru yang sebenar adalah guru yang mampu mengurniakan kefahaman, tanggapan, penerimaan, penolakan dan sebagainya dan bukan sekadar mampu mengatakan atau meluahkan kata-kata sahaja. Guru yang sebenar ini mengikut Abu al-Barakat tidak mungkin terdiri dari kalangan manusia sebab kita dapati bahawa tidak semua guru mampu mengajar semua ilmu kepada semua muridnya. Apa yang mereka mampu hanyalah sekadar mengemukakan suatu yang boleh menolong muridnya memahami, menerima atau menolak sesuatu pengajaran yang diajar. Inipun dengan syarat pertolongan yang dikemukakan itu bertepatan dengan tempat dan ketikanya.

Oleh yang demikian Abu al-Barakat berpendapat bahawa barang siapa yang dikurniakan kefahaman, tanggapan, penerimaan, penolakan dan sebagainya, sesungguhnya beliau telah dikurniakan ilmu dengan kekuatan yang paling hampir dengan fitrah dan mereka tidak lagi berhajat kepada guru dari kalangan manusia. Dengan ini tidaklah menjadi suatu yang menghairankan bila kita dapati sesetengah ahli falsafah dapat mengatasi gurunya dari segi kefahaman mereka dalam bidang falsafah sebagaimana kita dapati ramai dikalangan manusia yang tiada berguru muncul sebagai seorang ahli falsafah yang mahir.

Dari sini beliau menyimpulkan bahawa guru yang sebenar adalah guru yang pertama iaitu Allah s.w.t yang Maha Mengetahui. Dialah yang mengurniakan ilmu dari *Umm al-Kitab*, ilmu pertama yang mana semua kewujudan lahir darinya dan berdasarkan apa yang tersurat padanya.<sup>9</sup>

Demikian dapat difahami bagaimanakah bentuk pengajaran dan ilmu yang sebenar dan tertinggi yang dikemukakan oleh Abu al-Barakat di sini. Ia adalah suatu bentuk pembelajaran yang khusus dengan ilmu yang istimewa. Ilmu ini bukanlah ilmu-ilmu teori sebagaimana kita sedia maklum, tetapi ia lebih bersifat ilmu-ilmu yang khusus yang mirip kepada apa yang dinamakan sebagai "*Kasyaf*" yang merupakan kurniaan terus dari Allah s.w.t.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa Abu al-Barakat adalah di antara tokoh yang mengiktiraf *Ilmu al-Laduni* ataupun *Ilham* dan juga ilmu para nabi yang berasaskan wahyu Ilahi. Ini jelas dari kenyataan beliau tentang mungkin seseorang murid mengatasi gurunya dan mungkin seseorang manusia itu menguasai ilmu yang berbagai walaupun tanpa guru dari kalangan manusia.

Dr. Abu Sa'dah dalam hal ini mengulas bahawa :

*"Jangan pula seseorang itu menyangka (dalam hal ini) bahawa kemampuan itu (iaitu kemampuan untuk mencapai bentuk ilmu yang sebegini) memang sedia ada pada setiap mereka yang dikurniakannya ... kerana kalaulah ianya sedemikian, nescaya setiap manusia akan mengurniakan kepada dirinya sendiri kemampuan ini sebab seseorang yang memilikinya adalah lebih baik dari mereka yang tidak memilikinya. Dari aspek lain pula, telah maklum bahawa di kalangan para nabi ada yang buta huruf*

---

<sup>9</sup>Lihat *al-Mu'tabar fi al-Hikma*, j. 3, h. 207-209.

*dan tidak pernah belajar dari mana-mana guru, namun begitu (kita dapati bahawa) ilmunya mengatasi segala ilmu orang-orang alim, dan telah terbukti bahawa ilmunya (para nabi) adalah kurniaan dari al-'Alim al-Awwal (Allah s.w.t) yang Maha Mengetahui".<sup>10</sup>*

Di samping itu juga dapat diperhatikan bagaimana pengaruh al-Qur'an dalam pandangan ini khususnya ayat yang bermaksud :

*"Dan sesiapa yang dikurniakan Hikmah maka sesungguhnya beliau telah dikurniakan kebaikan yang banyak"*  
(Al-Baqarah : ayat 269).

### **KONSEP ILMU DARI ASPEK THEOLOGI ABU AL-BARAKAT**

Abu al-Barakat sebagaimana yang dapat diperhatikan sebelum ini bertanggapan bahawa pembelajaran yang sebenar adalah pembelajaran yang berasaskan kefahaman dan bukan sekadar dengar dan hafaz sahaja. Pembelajaran sebegini pada pandangan beliau tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan hanya bergantung kepada guru dari kalangan manusia, kerana guru tersebut tidak mampu memastikan keberkesannya. Ini kerana seseorang guru hanya mampu mengemukakan maklumat, manakala kefahaman tentangnya adalah dari murid. Inipun dengan pertolongan guru lain iaitu guru yang sebenar yang mampu mengurniakan kefahaman tersebut. Guru yang dimaksudkan di sini adalah Allah s.w.t, guru yang Maha Mengetahui dan Maha Mengerti segala ilmu dan maklumat, guru yang mampu mengurnia dan memastikan kefahaman tentang segala maklumat kepada sesiapaupun yang dikehendakiNya dan pada bila-bila masa sahaja.

Namun apa yang lebih menarik di sini adalah pandangan beliau tentang ilmu dan pembelajarannya ini tidak hanya terhenti sebagai suatu aspek epistemologi sahaja. Teorinya ini telah dijadikan sebagai suatu elemen baru dalam suatu perbahasan penting dalam aspek theologi. Beliau telah mengeskloitasi teori ini dan berjaya mengemukakan suatu bentuk pendalilan terhadap wujudnya Allah s.w.t yang Maha Mengetahui, yang merupakan guru sebenar kepada semua guru. Dalil ini digelar sebagai Dalil *al-'Ilm wa Ta'limihi wa Ta'allumih*.

Beliau berpendapat bahawa apabila sesuatu rangkaian *al-'Ilal wa al-Ma'lulat* (Causes and effects) tidak mungkin berterusan tanpa penghujung bahkan pasti akan

---

<sup>10</sup>*Al-Wujud wa al-Khulud fi falsafah Abi al-Barakat al-Baghdadi*, h. 86.



berakhir pada suatu 'illah yang pertama yang merupakan sebab kepada semua 'ilal dan semua ma'lul dan tiada sebab lain selain daripadanya, maka begitu juga dalam masalah rangkaian pembelajaran dan ilmu. Beliau berpendapat bahawa rangkaian guru yang belajar dari guru lain sebelumnya dan yang mengajar murid selepasnya tidak mungkin berterusan tanpa berakhir pada sumber pertama di mana ilmunya adalah bagi zatnya, dengan zatnya dan dari zatnya dan tidak berhajat kepada guru lain yang mengajarnya kerana beliau adalah punca dan sumber segala ilmu pengetahuan. Guru pertama yang dimaksudkan di sini adalah Allah s.w.t.<sup>11</sup>

Dalil ini pada pandangan beliau adalah di antara dalil yang diiktiraf dan diperkatakan oleh para nabi.<sup>12</sup> Walaupun Abu al-Barakat di sini tidak menyatakan nas-nas al-Qur'an atau al-Hadith yang menjelaskan pandangan beliau ini namun jika diteliti dalam al-Qur'an misalnya kita dapati banyak ayat-ayat yang menunjukkan kebenaran pandangan beliau.

Di antara ayat-ayat tersebut misalnya ayat yang bermaksud :

*"Dan (Tuhan) telah mengajar nabi Adam semua nama-nama"*  
(al-Baqarah : 31),

dan ayat yang bermaksud :

*"(Dia) telah mengajar manusia apa yang manusia tidak tahu"*  
(al-'Alaq : 5).

Demikian dapat diperhatikan bagaimana Abu al-Barakat mengeksploitasi konsep ilmu ini dan seterusnya mengemukakan suatu dalil yang boleh dianggap tunggal dan baru dalam sejarah Falsafah Islam, walaupun bentuk dan cara pendalilannya telahpun wujud sebelum ini. Ini kerana konsep yang digunakan dalam dalil ini iaitu konsep rangkaian sebab musabab tidak mungkin berterusan tanpa penghujung, telahpun digunakan dengan meluas dalam dalil-dalil yang dikemukakan oleh ahli-ahli falsafah Islam yang terdahulu. Namun begitu unsur-unsur yang disebut di sini - iaitu unsur ilmu dan pembelajarannya - adalah berbeza dan tidak pernah dinyatakan oleh mana-mana ahli falsafah sebelum ini.

Pandangan beliau ini telah mendapat sokongan tokoh pemikiran Islam yang terkemudian khususnya Ibn Taimiyyah yang berpendapat bahawa Allah s.w.t adalah

---

<sup>11</sup>Lihat Abu al-Barakat, *op. cit.*

<sup>12</sup>*Ibid*, h. 208.

pencipta segala kewujudan *ainiy* dan beliau juga adalah guru yang mengajar gambaran-gambaran *dzhniy* bagi kewujudan *ainiy* tersebut.<sup>13</sup>

Walaupun bagaimanapun dapatlah disimpulkan di sini bahawa Abu al-Barakat dengan dalilnya ini telah berjaya mengetengahkan satu lagi aspek baru yang boleh dijadikan unsur dalil wujud Allah s.w.t. Beliau juga dengan ini berjaya mengemukakan suatu bentuk pertautan di antara Epistemologi dan Theologi.

---

<sup>13</sup>Lihat Ibn Taimiyah, *al-Rad 'ala al-Mantiqiyin*, Lahore, 1976 , h. 154.